



● Bertarung dengan bersenjatakan parang...ini merupakan antara persembahan menarik malam itu.

Pesilat tunjuk upaya depan keluarga

- 1 JAN 1987

IA merupakan malam untuk menunjukkan kepada ibu bapa, apa yang telah dipelajari selama ini.

Dan berdasarkan tepuk sorak yang kedengaran, ternyata para pesilat tersebut telah berhasil mencapai tujuan mengadakan persembahan malam itu.

Demikian suasana di dewan Sekolah Rendah Guillemard Road Ahad lalu, apabila para pesilat daripada Perguruan Silat Seligi Tunggal Kemuning menunjukkan kemahiran masing-masing.

Sempena meraikan ulang tahun pertama mereka, para pesilat tersebut telah mengadakan persembahan pelbagai kemahiran

dan kecekapan mereka — daripada persembahan permainan silat hinggalah pertarungan bersenjatakan keris dan parang.

Menurut Setiausaha Silat Persatuan Kemuning Singapura, Encik Rafie Burmawi, majlis tersebut diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada kira-kira 50 pesilat menunjukkan kepada ibu bapa mereka apa yang telah dipelajari.

Latihan

Ya juga diharapkan dapat merapatkan silaturahmi ibu bapa para pesilat dalam acara yang bercorak pertemuan keluarga itu.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 50 pesilat yang mengikuti latihan yang diadakan di sekolah tersebut setiap Sabtu malam dan

Ahad malam.

Persatuan Kemuning mempunyai rancangan untuk membuka sebuah lagi gelanggang silat di Clementi pada hujung Januari ini.

Di samping persembahan para pesilat Perguruan Seligi Tunggal Kemuning, terdapat juga persembahan silat olah raga oleh para pesilat Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Sementara itu, dalam ucapannya di majlis tersebut, Presiden Persisi, Encik Rahim Dayan, telah menggesa ibu bapa supaya memberi galakan kepada anak-anak mereka bergiat dalam seni pencak silat.

Ini kerana di samping dapat terus mengekalkan warisan budaya nenek moyang kita, ia juga dapat membentuk disiplin dan akhlak yang baik.